

UCAPAN BAJET DBKL 2015

Oleh

Y.BHG DATUK SERI HJ. AHMAD PHE SAL BIN HJ. TALIB
DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

16 DISEMBER 2014

“KUALA LUMPUR MILIK WARGAKOTA”

Bismillahir rahmannir rahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Syukur Alhamdulillah, terlebih dahulu mariyah kita merafakkan rasa syukur yang setulusnya ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala, kerana dengan izin dan kurnia-Nya juga, dapat saya membentangkan Bajet Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi tahun 2015 pada hari ini.

2. Di kesempatan ini juga, saya ingin berkongsi rasa gembira apabila Bandaraya Kuala Lumpur telah dinobatkan sebagai “7 Wonder Cities of the World”. Ianya adalah satu pencapaian yang amat membanggakan apabila Kuala Lumpur telah terpilih di antara 7 bandar paling menakjubkan (Wonder City) di seluruh dunia oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO), *New Seven Wonders Foundation* di mana pemilihan ini adalah ditentukan melalui sistem undian yang diadakan di Dubai pada 7 Disember 2014. Pengiktirafan ini juga bersesuaian dengan aspirasi DBKL untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai “Bandaraya Bertaraf Dunia”.

3. Pada 11 November 2014, Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan telah meluluskan Bajet 2015 Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam usaha untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandaraya yang maju dan sejahtera. Cabaran persekitaran sosial dan pembangunan yang semakin pesat menuntut satu perancangan yang teliti agar program dan aktiviti yang direncanakan dapat memenuhi citarasa warga kota dan keperluan pelanggan DBKL yang melibatkan 2.0 juta pengguna perkhidmatan perbandaran termasuk 1.7 juta warga kota.
4. Penyediaan Bajet 2015 adalah berkonsepkan '*public participation*' di mana pandangan dan idea daripada warga kota dan pemimpin masyarakat diambil kira dalam merangka program, aktiviti dan projek yang bakal dilaksanakan di dalam kalender 2015. Pendekatan ini merupakan cara terbaik bagi melaksanakan program dan aktiviti yang boleh memberi pulangan yang optima dan impak positif kepada masyarakat Kuala Lumpur.
5. Semenjak tahun 2011, seboleh mungkin DBKL memberi ruang kepada pihak-pihak berkepentingan dan warga kota memberi pandangan melalui forum penyediaan bajet dalam usaha mengenalpasti keperluan masyarakat dan isu-isu pengurusan perbandaran serta pembangunan Kuala Lumpur.
6. Bagi mengenalpasti setiap isu yang dibangkitkan dengan lebih jelas, mulai 2014, DBKL mengubah pendekatan forum kepada bengkel yang lebih memberi peluang kepada warga kota sebagai 'stakeholder' untuk menjelaskan dan menghurai isu-isu yang diutarakan serta mengemukakan cadangan. Idea dan saranan tersebut dijadikan sebagai input bagi memastikan perancangan bajet DBKL adalah realistik serta mengambil kira keperluan sebenar masyarakat secara holistik.
7. Bajet 2015 memberi tumpuan kepada usaha menyediakan perkhidmatan perbandaran dan tadbir urus yang efektif dan efisien bagi meningkatkan kesejahteraan warga kota dan memastikan perbelanjaan bagi setiap aktiviti dan program menggunakan peruntukan yang disediakan dengan berdasarkan kepada prinsip "**value for money**".

8. Tema Bajet 2015 adalah “**Kuala Lumpur Milik Warga Kota**” menggambarkan bahawa DBKL bukan sahaja bersedia dari segi peruntukan kewangan yang bersesuaian malah sentiasa mengutamakan kepentingan seluruh warga kota terutamanya akauntabiliti kepada pembayar cukai taksiran dalam memberikan perkhidmatan dan kemudahan di sekitar Kuala Lumpur.


PRESTASI KEWANGAN DBKL

9. Prestasi Kewangan 2013 yang telah diaudit dan dibentangkan di Parlimen (Dewan Rakyat) pada 24 November 2014 yang lalu menunjukkan pencapaian yang baik di mana prestasi jumlah pendapatan dan jumlah perbelanjaan tahun 2013 menunjukkan peningkatan yang agak positif. Jumlah pendapatan yang dilaporkan pada tahun 2013 adalah sebanyak **RM1.93 bilion** berbanding jumlah pendapatan pada tahun 2012 iaitu **RM1.90 bilion**, iaitu berlaku peningkatan pendapatan sebanyak **RM25.01 juta** atau **1.31%**. Manakala jumlah perbelanjaan yang dilaporkan pada tahun 2013 adalah sebanyak **RM1.40 bilion** berbanding pada tahun 2012 iaitu **RM1.24 billion** (meningkat sebanyak **RM161.46 juta** atau **13.01%**).
10. Untuk makluman, DBKL sentiasa menguruskan kewangan secara berkesan dan teratur di mana bagi tahun kewangan 2013, DBKL sekali lagi dianugerahkan Sijil Bersih (Tidak Berteguran) oleh Ketua Audit Negara. Apa yang lebih menggembirakan, tahun kewangan 2013 boleh dikatakan sebagai pencapaian terbaik DBKL berbanding tahun-tahun sebelumnya jika ianya boleh diukur berdasarkan kepada bilangan pemerhatian audit yang dibangkitkan oleh pihak juruaudit. Tiada pemerhatian audit dibangkitkan pada tahun kewangan 2013 berbanding tiga (3) pemerhatian audit pada tahun kewangan 2012.
11. Transformasi pengurusan kewangan ke arah yang lebih efisien dengan menerapkan idea-idea baru dan inovatif adalah perlu bagi memastikan kesinambungan pencapaian prestasi kewangan yang baik. Namun begitu, peraturan dan prosedur kewangan yang ditetapkan perlu dipatuhi dan diberi perhatian serius khususnya dari aspek kawalan bajet, kawalan perbelanjaan, kawalan terimaan, kawalan aset dan stok.

12. Berasaskan kepada prestasi kewangan yang baik ini, DBKL dapat menyediakan Bajet 2015 yang merupakan **bajet seimbang** berlandaskan keupayaan kewangan DBKL bagi membiayai perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Bajet ini disediakan bukan sahaja untuk melaksanakan program dan aktiviti operasi tetapi juga kesinambungan kepada projek pembangunan 2014 di samping penambahan beberapa projek baru.

BAJET DBKL 2015

13. Bajet DBKL 2015 diluluskan dengan peruntukan sebanyak **RM2.44 bilion** di mana **RM1.63 bilion** atau **67%** disediakan bagi Peruntukan Mengurus dan **RM812.54 juta** atau **33%** untuk Peruntukan Pembangunan.



14. Secara keseluruhan terdapat peningkatan sebanyak **2.1%** atau **RM49.61 juta** dalam Bajet DBKL 2015 berbanding dengan bajet pada tahun 2014 iaitu sebanyak **RM2.39 billion** (selepas mengambil kira pindaan peruntukan dalam Bajet Tambahan 2014).

15. Program, aktiviti dan projek yang dirancang menerusi Bajet DBKL 2015 adalah selaras dengan Pelan Strategik DBKL yang menggariskan lima (5) matlamat utama :




- 15.1 **Bandaraya Milik Warga Kota (City For People)** menggambarkan sebuah bandaraya yang menekankan persekitaran yang berkualiti, mengamalkan cara hidup sihat dan selamat, saling berhubung dan menghormati keunikan budaya masing-masing serta harmoni.
- 15.2 **Kemakmuran Ekonomi (Economic Prosperity)** mensasarkan untuk menghapuskan jurang ekonomi dan menghasilkan persekitaran ekonomi yang seimbang dengan memberi peluang sama rata kepada warga kota dalam menceburi bidang perniagaan dan keseimbangan dalam pemilikan harta. Ia juga akan memberi peluang kepada pertumbuhan ekonomi yang mapan, berdaya tahan dan berupaya menawarkan kepelbagaiannya jenis perniagaan.

- 15.3 **Bandaraya Saling Bersaring (Connected City)** ialah jaringan bandar yang sentiasa berhubung antara satu sama lain melalui rangkaian pengangkutan awam, jalan raya, laluan pejalan kaki dan kenderaan bermotor yang menjadi medium perhubungan secara fizikal dan maya.
- 15.4 **Bandaraya Eko (Eco City)** menggambarkan sebuah bandar raya yang maju dari segi ekonomi di dalam kawasan yang hijau yang mampu memberi ketenangan minda serta mengekalkan persekitaran yang bersih dan sihat untuk menjamin kualiti hidup warga kota.
- 15.5 **Bandaraya Tadbir Urus Cekap (Good Governance)** melahirkan pentadbir yang adil, telus dan cekap dalam menjalankan tanggungjawab menguruskan sumber-sumber bagi memenuhi keperluan orang ramai dan warga kota.

FOKUS BAJET 2015


16. Bersesuaian dengan tema Bajet 2015 iaitu “**Kuala Lumpur Milik Wargakota**”, DBKL akan terus memastikan kesejahteraan hidup warga kota dapat dikecapi melalui bentuk persekitaran yang berkualiti, selamat, mudah sampai, makmur dan harmoni.
17. Bajet yang disediakan ini selari dengan Visi DBKL iaitu ‘*Merealisasikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya bertaraf dunia menjelang tahun 2020 dengan menjadi PBT terunggul yang dapat memenuhi ekspektasi wargakota*’ dan bercirikan Wilayah Persekutuan Maju serta Bandar Sejahtera.
18. Selaras dengan dasar kerajaan untuk menjadi Negara Maju menjelang 2020, DBKL sebagai Pihak Berkuasa Tempatan dan pentadbir bandaraya akan terus komited untuk memastikan Kuala Lumpur menjadi pusat perkembangan ekonomi, budaya, pendidikan, pelancongan, kesihatan yang unggul di rantau ini. Justeru, warga kota dapat menikmati limpahan pembangunan dan kemajuan melalui kemudahan yang disediakan oleh DBKL.

19. Persekutuan yang kondusif, sistem perhubungan yang baik, perumahan yang mencukupi, peluang perniagaan dan pembelajaran yang berdaya saing diberi perhatian demi kelangsungan hidup sejahtera dan harmoni di Bandaraya Kuala Lumpur.
20. Dalam Bajet 2015, DBKL telah merangka 14 program berbanding 11 program pada tahun sebelumnya. Berikut merupakan program-program yang dirancang bagi menyelaras segala aktiviti yang bakal dilaksanakan pada 2015 :
 - 20.1. Program Pengurusan dan Pentadbiran
 - 20.2. Program Pembersihan Bandar
 - 20.3. Program Penghijauan, Penyelenggaraan Taman, Tanah Lapang dan Kemudahan Rekreasi
 - 20.4. Program Penyelenggaraan Jalan Raya dan Saliran
 - 20.5. Program Penyelenggaraan Lampu Jalan dan Kemudahan Sistem Lalulintas
 - 20.6. Program Penyelenggaraan Tempat Letak Kereta, Hentian Bas dan Siar Kaki
 - 20.7. Program Penyelenggaraan Bangunan
 - 20.8. Program Pengurusan Penjaja dan Peniaga Kecil
 - 20.9. Program Penguatkuasaan
 - 20.10. Program Penyelenggaraan Perumahan Awam dan Perumahan Rakyat
 - 20.11. Program Kesihatan
 - 20.12. Program Pembangunan Komuniti
 - 20.13. Program Kebudayaan, Kesenian dan Sukan
 - 20.14. Program Pelancongan

RINGKASAN BAJET MENGURUS DAN PEMBANGUNAN 2015**PECAHAN PERUNTUKAN MENGURUS**

21. Di bawah Peruntukan Mengurus, **RM450.47 juta (27.7%)** adalah bagi peruntukan Emolumen, **RM63.88 juta (3.9%)** disediakan bagi Bayaran Lebih Masa, **RM1.044 bilion (64.2%)** bagi peruntukan Perkhidmatan dan Bekalan. Sejumlah **RM10.02 juta (0.6%)** turut disediakan bagi pembelian dan penggantian aset. Manakala **RM36.37 juta (2.2%)** diperuntukkan bagi Pemberian & Kenaan Tetap dan bakinya **RM22.83 juta (1.4%)** adalah bagi Perbelanjaan Lain-Lain. Peruntukan Mengurus ini telah meningkat sebanyak **8.6%** berbanding Peruntukan Mengurus tahun 2014.

PECAHAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN 2015



22. Manakala di bawah Peruntukan Pembangunan pula, sebanyak **RM812.54** juta diperuntukkan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan dan pembelian aset modal.
23. Pecahan Peruntukan Pembangunan terbahagi kepada pembiayaan oleh DBKL sebanyak **RM447.64** juta (atau **55%**) dan bakinya iaitu sebanyak **RM364.9** juta (atau **45%**) merupakan pembiayaan daripada kerajaan dan swasta. Sumber pembiayaan daripada kerajaan merangkumi **RM182.5** juta diperuntukkan bagi membiayai projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK10), **RM9.9** juta bagi projek NKRA iaitu **Park & Ride**, hentian bas, jejantas dan laluan pejalan kaki berbumbung. Seterusnya **RM149.9** juta di bawah program NKEA **Greater KL / KV** bagi projek **River of Life, Greener KL, Pedestrian Network** dan **Global Attraction**.

Selain itu sejumlah **RM12.6 juta** disalurkan oleh Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP-1Malaysia), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (bagi kerja-kerja pembaikan cerun di Bukit Nanas dan tanah milik Kerajaan), Kementerian Wilayah Persekutuan (bagi pewartaan rezab sungai dan kolam takungan banjir) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (projek pembesaran surau di PPR Beringin). Manakala sebanyak **RM10 juta** diperuntukkan bagi projek laluan pejalan kaki berbumbung (**Pedestrian Linkages**) yang disumbangkan oleh pihak swasta iaitu Petronas.

PROGRAM BAJET 2015

Program Pengurusan dan Pentadbiran

24. Kakitangan merupakan aset terpenting dan tenaga penggerak yang menyumbang kepada sesebuah organisasi bagi melaksanakan operasi dan aktiviti harian menyediakan perkhidmatan yang berkesan kepada warga kota. Sejumlah **RM450.47 juta** atau 27.7% daripada Peruntukan Mengurus diperlukan bagi membiayai kos emolumen termasuk gaji dan bayaran-bayaran eluan perkhidmatan untuk 10,441 perjawatan.
25. Dalam menerajui pentadbiran Kuala Lumpur menjadi Bandaraya bertaraf dunia, Pentadbiran DBKL perlu dimantapkan dari segi kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan melalui penggunaan sistem ICT, peralatan berteknologi, persekitaran pejabat yang kondusif termasuk menyediakan pusat latihan kakitangan. Sejumlah **RM207.94 juta** diperuntukkan untuk melaksanakan program dan mempertingkatkan kemudahan pengurusan seperti berikut :
 - 25.1. Sejumlah **RM120.16 juta** diperuntukkan bagi pengurusan pejabat dan hal ehwal pentadbiran termasuk penyelenggaraan kenderaan, penyewaan pejabat, penyelenggaran sistem serta penyewaan komputer.
 - 25.2. Sementara itu sejumlah **RM62.65 juta** disediakan untuk bayaran kepada syarikat utiliti bagi tujuan bekalan elektrik, air, dan telefon.

- 25.3. Menyediakan latihan untuk meningkatkan kemahiran dan daya inovasi kakitangan di samping menyediakan kemudahan perubatan kakitangan. Kakitangan yang mahir dan sihat mampu melahirkan tenaga kerja lebih produktif. Bagi tujuan ini, sejumlah **RM25.13 juta** diperuntukkan.

Program Pembersihan Bandar

26. Secara keseluruhan, peruntukan Mengurus yang disediakan bagi mempertingkatkan kebersihan bandar adalah sebanyak **RM292.17 juta**. Ia merangkumi peruntukan sebanyak **RM190 juta** bagi tujuan pembersihan dan pencucian siar kaki, jalan longkang dan kutipan sampah di Kuala Lumpur kepada Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam. Bagi memantau dan meningkatkan kualiti perkhidmatan pembersihan bandar, DBKL telah melaksanakan penetapan jadual kerja dan KPI bagi tahap perkhidmatan (**service level**). Antara pengukuran yang diambil kira ialah dari segi kerja-kerja pungutan sampah dan pembersihan jalan serta longkang.
27. Di samping itu, pemantauan secara berterusan dibuat bersama-sama dengan agensi-agensi lain seperti Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) dan Alam Flora. Untuk itu, satu saluran komunikasi menggunakan perisian ‘*whatsapp Group – Mari Bersih dan Indah KL*’ telah diperkenalkan. Kaedah ini yang telah diperkenalkan setahun lalu memberi kesan yang sangat baik di mana tindakan pelaksanaan dapat diambil dengan segera, umpamanya tindakan untuk menurunkan poster-poster haram, membersihkan pokok tumbang, membaiki jalan berlubang dan sebagainya.
28. DBKL juga memperuntukkan sebanyak **RM100 juta** untuk program pemindahan sampah di Taman Beringin dan pelupusan sampah di *Bukit Tagar Sanitary Landfills*. Jumlah ini juga mengambil kira kadar yuran *tipping* yang baru iaitu **RM49** bagi satu tan metrik berbanding kadar lama iaitu **RM20.20** per tan metrik. Dianggarkan sejumlah 3,000 tan metrik sisa domestik dan sisa pukal perlu diuruskan oleh DBKL setiap hari atau 1.095 juta tan metrik setahun.

29. Di bawah peruntukan Pembangunan, sejumlah **RM300 ribu** disediakan bagi menaik taraf mesin kawalan sampah / *spiral waste bin* yang melibatkan kos projek sebanyak **RM5 juta**.

Program Penghijauan, Penyelenggaraan Taman, Tanah Lapang dan Kemudahan Rekreasi

30. Aspek alam sekitar memainkan peranan yang penting bagi mengimbangi kepesatan hutan konkrit di sekitar Kuala Lumpur. Bagi merealisasikan Kuala Lumpur sebagai *Bandaraya Taman Tropika Lestari* menjelang tahun 2020, usaha untuk menghijaukan bandar raya ini dilaksanakan dengan menerapkan elemen landskap pada susun atur di semua taman awam, rangkaian kemudahan jalan raya dan tanah lapang.

31. DBKL juga telah menandatangani MoU dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan akan mencruskam jalinan kerjasama antara FRIM, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi mewujudkan perkongsian pintar mengenalpasti pokok hutan bersesuaian dan projek landskap di ibu kota. Saya percaya usaha ini dapat menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya yang mempunyai kawasan hijau yang berkualiti serta memberi manfaat kepada warga kota.

32. Di bawah peruntukan Mengurus, sejumlah **RM58.87 juta** disediakan bagi membiayai program penghijauan dan juga penyelenggaraan taman-taman awam di seluruh Kuala Lumpur. Sejumlah **RM30.47 juta** diperuntukkan bagi aktiviti pengindahan dan penyelenggaran tiga (3) taman utama (Taman Botani Perdana, Taman Tasik Titiwangsa dan Taman Tasik Permaisuri), enam belas (16) taman awam, padang, tanah lapang dan taman permainan. Di samping itu, sebanyak **RM20.7 juta** disediakan bagi tujuan penyelenggaraan pokok dan bunga-bunga, **RM3.65 juta** diperuntukkan bagi penyelenggaraan haiwan dan pasukan berkuda manakala penyelenggaraan sistem pancutan air dan pembersihan tanah perkuburan disediakan sebanyak **RM3.75 juta** dan **RM300 ribu** masing-masing.

33. Di bawah peruntukan Pembangunan, sejumlah **RM72.71 juta** disediakan bagi program ini. DBKL memperuntukkan sebanyak **RM48.91 juta** bagi tujuan menyediakan kemudahan serta menaik taraf Taman Botani Perdana dan taman-taman rekreasi, pengindahan landskap, program penanaman pokok, membina dan menaik taraf taman permainan kanak-kanak. Di bawah pembiayaan RMK10, sejumlah **RM16.8 juta** adalah bagi pembangunan Taman Botani Perdana, Taman Rimba Bukit Kerinchi dan menaik taraf kemudahan OKU di taman awam. Manakala di bawah program NKEA **Greater KL / KV** pula, sejumlah **RM7 juta** diperuntukkan bagi projek **Greener KL**.

Program Penyelenggaraan dan Pembangunan Infrastruktur :

- Jalan Raya dan Saliran**

34. Bagi mewujudkan satu struktur bandar raya yang efisien, keupayaan menyediakan satu sistem pengangkutan dan perhubungan yang komprehensif, bersepadu dan kemudahsampaian yang tinggi kepada pengguna dan penduduk Kuala Lumpur adalah penting. Justeru, beberapa projek pembinaan dan pemberaan jalan utama di sekitar Lembah Klang telah dan sedang disiapkan.
35. Pada tahun 2015, DBKL akan memperuntukkan sebanyak **RM116.8 juta** di bawah peruntukan Mengurus bagi kerja-kerja pengisaran dan penurapan jalan-jalan utama, jalan-jalan awam, kawasan perumahan dan lorong sisi / belakang di seluruh Kuala Lumpur yang dianggarkan sepanjang 2,010 km. Ianya juga termasuk kerja-kerja membaikpulih, menyelenggara jalan, longkang dan penyelenggaraan pagar keselamatan jalan raya.
36. Di samping itu, peruntukan Pembangunan bagi program jalan raya dan saliran disediakan sebanyak **RM421.1 juta** di mana sebanyak **RM253 juta** diagihkan bagi tujuan membina serta menaik taraf jalan raya manakala **RM168.1 juta** bagi kerja-kerja perparitan dan saliran.
37. Di bawah kerja-kerja jalan raya, DBKL merancang untuk melaksanakan 37 projek di mana 28 projek merupakan pembiayaan DBKL dengan peruntukan sebanyak **RM141.6 juta**, 7 projek di bawah pembiayaan RMK10 sebanyak **RM104.1 juta** manakala 2 projek melibatkan kerja-kerja pemberaan cerun

sebanyak **RM7.3 juta** dibiayai oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Antara projek-projek yang dilaksanakan adalah membina persimpangan bertingkat di Jalan Ampang/Jalan Jelatek, menaiktaraf jalan-jalan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan mempertingkatkan Jalan Genting Kelang.

38. Anggaran peruntukan Pembangunan bagi melaksanakan 47 projek melibatkan kerja-kerja perparitan serta penyelenggaraan sungai adalah berjumlah **RM168.1 juta**. Kebanyakan projek ini bertujuan untuk mempertingkatkan sistem perparitan bagi mengatasi masalah banjir kilat yang melanda Kuala Lumpur.

Di bawah program ini, sejumlah **RM31.9 juta** merupakan pembiayaan DBKL, pembiayaan RMK10 sebanyak **RM11 juta**, sejumlah **RM125.1 juta** disalurkan melalui NKEA **Greater KL / KV (River Of Life)** dan sebanyak **RM100 ribu** bagi pewartaan rezab sungai dan kolam takungan banjir di WPKL dibiayai oleh Kementerian Wilayah Persekutuan.

- **Lampu Jalan dan Kemudahan Sistem Lalu Lintas**

39. Dengan mementingkan konsep Bandar Selamat dan Bandaraya Taman Bercahaya, DBKL turut memastikan jalan-jalan di sekitar Kuala Lumpur sentiasa cerah bercahaya dan ini seterusnya dapat meningkatkan lagi tahap keselamatan pengguna jalan raya. Sejumlah **RM31 juta** disediakan di bawah Peruntukan Mengurus di mana sebanyak **RM15 juta** disediakan bagi penyelenggaraan 40,000 lampu **lantern** untuk lampu jalan, **RM5 juta** bagi menyediakan lampu hiasan serta lampu limpah dan **RM11 juta** bagi bayaran bil elektrik.
40. Dalam Bajet 2015, DBKL memperuntukkan sejumlah **RM16.1 juta** bagi melaksanakan 10 projek di bawah peruntukan Pembangunan bagi kerja pemasangan lampu awam di lorong-lorong belakang dan pemasangan lampu jalan jenis LED di sepanjang jalan Ampang Park hingga Hotel Renaissance, Jalan P. Ramlee, Jalan Raja Chulan, Jalan Bukit Bintang, Jalan Sultan Hishamuddin, Jalan Raja dan Jalan Raja Laut serta pencahayaan fasad Bangunan Sultan Abdul Samad.

41. Anggaran peruntukan Mengurus yang disediakan bagi aktiviti kemudahan sistem lalu lintas adalah **RM58 juta** yang melibatkan penyelenggaraan serta operasi ITIS sebanyak **RM29.5 juta** dan bil elektrik lampu isyarat sebanyak **RM2 juta**. Bagi menambah baik tahap keselamatan pengguna jalan raya dan pejalan kaki, sejumlah **RM26.5 juta** disediakan bagi program pemasangan pagar dan peralatan keselamatan, penyelenggaraan CCTV, papan tanda, mengecat tanda garisan, penyelenggaraan bonggol dan membaiki persimpangan jalan dan lokasi merbahaya.
42. Selain itu, di bawah peruntukan Pembangunan, sejumlah **RM9.25 juta** disediakan bagi 25 projek untuk mempertingkatkan sistem lalu lintas seperti menyediakan rekabentuk dan pelan skim pengurusan lalu lintas, pembangunan model trafik, penyuraian trafik, pembinaan jejantas pejalan kaki dan laluan berbasikal.

- **Tempat Letak Kereta, Hentian Bas dan Siar Kaki**

43. Di bawah peruntukan Mengurus, bagi program penyelenggaraan tempat letak kereta, hentian bas dan siar kaki sejumlah **RM7.62 juta** diperuntukkan bagi tujuan penyelenggaraan ruang menunggu teksi, terminal bas, kemudahan pejalan kaki dan pengurusan tempat letak kereta.
44. Manakala sejumlah **RM51.7 juta** membabitkan 33 projek disalurkan di bawah peruntukan Pembangunan bagi menyediakan kemudahan bagi pejalan kaki, sistem letak kereta dan hentian pengangkutan awam. Di bawah program ini, sejumlah **RM14.8 juta** merupakan pembiayaan DBKL, NKRA sebanyak **RM9.9 juta**, NKEA **Greater KL / KV** bagi projek **Pedestrian Network** sebanyak **RM17 juta** dan sebanyak **RM10 juta** dibiayai oleh Petronas (**Pedestrian Linkages**).

Program Penyelenggaraan, Naiktaraf dan Ubah Suai Bangunan

45. DBKL perlu menyediakan suasana persekitaran yang kondusif dan selesa bagi melahirkan kakitangan yang berkualiti, cekap dan efisien di dalam melaksanakan operasi harian. Untuk itu, bagi program ini sebanyak **RM33.52**

juta diperuntukkan di bawah Peruntukan Mengurus yang meliputi kerja-kerja penyelenggaraan bagi bangunan-bangunan milik DBKL seperti berikut :

- 45.1. Bangunan pejabat sejumlah **RM13.02 juta**.
- 45.2. Stor kecil dan depoh sebanyak **RM1.22 juta**.
- 45.3. Kuarters, rumah buruh dan lain-lain bangunan sejumlah **RM6 juta**.
- 45.4. Penyelenggaraan alat hawa dingin sejumlah **RM3.65 juta**.
- 45.5. Penyelenggaraan lif dan jentera sebanyak **RM1.64 juta**.
- 45.6. Pembersihan pejabat dan bangunan sejumlah **RM7.98 juta**.

- 46. Manakala di bawah Peruntukan Pembangunan, sejumlah **RM16.8 juta** melibatkan 52 projek disediakan bagi melaksanakan kerja-kerja membina, mengubahsuai dan menaiktaraf bangunan-bangunan pejabat dan bangunan kemudahan kakitangan.

Program Penjaja dan Peniaga Kecil

- 47. Penjaja dan peniaga kecil merupakan ejen ekonomi yang efektif dan efisien dalam pengagihan barang dan perkhidmatan. Usaha-usaha dilakukan oleh DBKL bagi menggalakkan pembangunan kawasan penjaja, pengusaha dan peniaga kecil di mana sebahagian besarnya beroperasi di pasar, bazar, pasar malam, kios, gerai berkunci dan sambungan tepi bangunan.

- 48. Oleh itu, sejumlah **RM14.03 juta** disediakan di bawah peruntukan Mengurus yang meliputi **RM6.43 juta** bagi kerja penyelenggaraan bangunan pasar, pusat penjaja, tapak penjaja dan kios, sebanyak **RM1.8 juta** bagi penyelenggaraaan rumah sampah, sejumlah **RM5.5 juta** diperuntukkan bagi bil air pusat penjaja dan **RM300 ribu** bagi kursus dan seminar penjaja.

- 49. Manakala di bawah peruntukan Pembangunan, sejumlah **RM30.1 juta** disediakan bagi pembangunan pasar dan pusat penjaja di Pasar Keramat, Pasar Chow Kit, Pasar Borong Kuala Lumpur, Pasar Harian Selayang, Pasar Pudu, Pusat Penjaja Air Panas dan Pembangunan Perniagaan Bersepadu (ICC) di PT 123 dan PT 125 Jalan 1/77C.

Program Penguatkuasaan

50. Peningkatan keupayaan pemantauan dan penguatkuasaan DBKL adalah penting dalam mengukuhkan kualiti hidup di Kuala Lumpur. Untuk itu, di bawah peruntukan Mengurus, sebanyak **RM32.79 juta** disalurkan bagi program ini yang sebahagian besarnya dibelanjakan bagi perkhidmatan keselamatan iaitu sejumlah **RM25.51 juta**, operasi penguatkuasaan sebanyak **RM3.78 juta** dan belanja percetakan notis tawaran kompaun kesalahan sebanyak **RM3.5 juta**.

Program Penyelenggaraan Perumahan Awam & Perumahan Rakyat

51. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bertanggungjawab mengurus serta menyelenggara sebanyak 74,825 unit Rumah Sewa Perumahan Awam (PA) dan Perumahan Rakyat (PPR) serta Rumah Jual. Daripada keseluruhan unit PA dan PPR, sebanyak 45,358 unit ditawarkan kepada penyewa sedia ada untuk dijual bagi memberi peluang kepada golongan warga kota yang berpendapatan rendah memiliki rumah di Kuala Lumpur.
52. Walaupun sebanyak 11,638 unit (26%) telah dijual sehingga Oktober 2014, DBKL masih bertanggungjawab dalam memastikan keselesaan penduduk kawasan perumahan tersebut. Justeru, peruntukan Mengurus sebanyak **RM110.53 juta** disediakan bertujuan membaiki dan menyelenggara rumah-rumah pangsa melibatkan kerja-kerja awam, elektrik, mekanikal, kerja lif dan kontrak pembersihan.
53. Selain itu, di bawah peruntukan Pembangunan, DBKL juga memperuntukkan sejumlah **RM17.96 juta** bagi penggantian dan naik taraf lif di PA dan PPR, kerja membaik pulih PPR Bukit Jalil dan PPR Muhibbah, pemasangan CCTV dan sistem siar raya (*P.A system*) di PA dan PPR, membina pagar ‘anti climb’ di PPR MTEN dan naik taraf pam di PA dan PPR.

Program Pembangunan Komuniti dan Kesihatan

54. Peranan DBKL bukan hanya menumpukan kepada pembangunan fizikal semata-mata, malahan DBKL juga bertanggungjawab di dalam mempertingkatkan pembangunan masyarakat warga kota. Masyarakat yang sejahtera merupakan jaminan untuk memastikan Kuala Lumpur berdaya saing dan terus maju. Bagi merealisasikan wawasan kebangsaan melahirkan modal insan yang memiliki ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai moral yang tinggi, pelbagai aktiviti dirancang di mana sejumlah **RM41 juta** disediakan di bawah peruntukan Mengurus untuk warga kota Kuala Lumpur. Ini termasuklah program khas komuniti, aktiviti pembangunan sosial dan aktiviti gotong royong. Tidak ketinggalan juga siri motivasi bagi golongan remaja, warga emas, golongan miskin dan ibu tunggal, program khas ‘Local Agenda 21’, program Hari Wilayah serta program khas OKU turut diberi perhatian.
55. Di bawah peruntukan Pembangunan pula, sejumlah **RM51.56 juta** disediakan bagi program ini. DBKL memperuntukkan sebanyak **RM31.36 juta** bagi tujuan menaik taraf Bangunan Keramat Mall kepada Mini UTC, pembelian pusat gelandangan di Chow Kit dan projek-projek kecil di PA dan PPR. Di bawah pembiayaan RMK10, sejumlah **RM15 juta** disediakan bagi pembinaan pusat komersial PT 80 Jalan Masjid India, pusat komuniti PPR Beringin dan dewan serbaguna di PPR Muhibbah. Selain itu, di bawah pembiayaan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia, sejumlah **RM5 juta** disediakan bagi kerja-kerja penyelenggaraan rumah swasta kos rendah dan kos sederhana di sekitar Wilayah Persekutuan yang membuat permohonan dan memenuhi syarat yang ditetapkan. Manakala Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan turut menyalurkan pembiayaan sebanyak **RM200 ribu** bagi pemberasaran surau di PPR Beringin Fasa 2.
56. Selain memastikan warga kotanya berada dalam persekitaran yang bersih dan cantik, DBKL pada masa yang sama turut mengambil berat hal penjagaan kesihatan khususnya yang berkait dengan masalah penyakit yang berpunca dari bawaan vektor seperti nyamuk dan tikus. Untuk itu, melalui program kesihatan,

DBKL telah menyediakan peruntukan Mengurus sebanyak **RM6.4 juta** pada tahun 2015.

Program Kebudayaan, Kesenian dan Sukan

57. Kebudayaan, kesenian dan sukan boleh membentuk, menyatupadu dan mengukuhkan semangat kemasyarakatan. Justeru, usaha bagi mempromosikan program dan aktiviti seumpama ini adalah penting dalam strategi pembangunan komuniti. Untuk itu sejumlah **RM17.28 juta** di bawah peruntukan Mengurus telah disediakan untuk program ini.
58. Program kebudayaan dan kesenian juga adalah sebagai pelengkap kepada aktiviti pelancongan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di mana sebanyak **RM6.15 juta** diperuntukkan bagi kegiatan dan pertunjukan kebudayaan dan sebanyak **RM2.93 juta** disediakan bagi persembahan muzik.
59. Sementara itu, sejumlah **RM4.55 juta** turut diperuntukkan bagi kegiatan sukan dan rekreasi, manakala sejumlah **RM3.65 juta** disalurkan bagi penyelenggaraan stadium dan kompleks renang.
60. Di bawah peruntukan Pembangunan pula, sejumlah **RM21.65 juta** disediakan bagi program ini. DBKL memperuntukkan sebanyak **RM1.65 juta** bagi tujuan membina velodrom di Bandar Tun Razak, menaiktaraf kolam renang dan membina bangunan asrama sukan di *KL Sport City*. Di bawah pembiayaan RMK10, sejumlah **RM20 juta** disediakan bagi menaiktaraf stadium bola sepak Kuala Lumpur.

Program Pelancongan

61. Kuala Lumpur mempunyai banyak kelebihan untuk ditawarkan sebagai destinasi pelancongan di negara ini. Sebagai ibu negara, Kuala Lumpur menjadi gerbang masuk ke Malaysia yang juga berperanan sebagai jendela yang mencerminkan keunikan dan kepelbagai produk-produk pelancongan yang berdasarkan keunikan sosio-budaya masyarakat Malaysia.

62. Justeru, bagi menggalakkan aktiviti pelancongan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, sejumlah **RM16.5 juta** disediakan di bawah peruntukan Mengurus bagi aktiviti penggalakan dan program khas pelancongan.
63. Selain itu, di bawah peruntukan Pembangunan, sejumlah **RM2.56 juta** disediakan bagi melaksanakan 19 projek yang dirancang seperti menaiktaraf dan pengindahan lokasi tumpuan pelancong, program khas pemantapan bangunan warisan, pembinaan pintu gerbang Sungai Besi dan program *KL Heritage Trail*.

ANGGARAN HASIL 2015

64. Pada tahun 2015, DBKL dijangka memperolehi hasil sebanyak **RM2.07 bilion** berbanding **RM1.91 billion** dalam tahun 2014 iaitu peningkatan sebanyak **8.4%**.
65. Cukai taksiran berjumlah **RM1.004 bilion** merupakan hasil utama di mana menyumbang sebanyak **48.3%** daripada hasil keseluruhan DBKL. Berdasarkan pelaksanaan penilaian semula cukai taksiran ke atas 500,000 unit pegangan harta tanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, kerajaan telah memutuskan untuk mengehadkan kenaikan tidak melebihi 25% bagi harta tanah komersial, kenaikan tidak melebihi 10% bagi harta tanah kediaman serta tiada kenaikan kepada kediaman kos rendah dan sederhana rendah. Melalui pelaksanaan ini, DBKL dianggarkan memperolehi tambahan hasil sebanyak RM70 juta.
66. Selain daripada itu, hasil lain termasuklah bayaran kawalan binaan dan perancangan sebanyak **RM317.5 juta**, hasil sewaan perumahan berjumlah **RM86.5 juta**, hasil pulangan projek penwastaan sebanyak **RM310.2 juta**, hasil pelaburan sebanyak **RM117.7 juta** dan lesen sebanyak **RM82.2 juta**.
67. Sementara itu, DBKL dijangka akan menerima bantuan daripada Kerajaan Pusat dalam bentuk geran berjumlah **RM98.5 juta** iaitu geran penyelenggaraan jalan raya (**Marris**) berjumlah **RM33 juta**, geran khas sebanyak **RM4 juta** dan **outright grant** sebanyak **RM61.5 juta**.

68. Untuk menampung sebahagian daripada bajet Pembangunan, ianya akan dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan di bawah RMK10, NKRA dan NKEA **Greater KL / KV** yang berjumlah **RM342.3 juta**, pembiayaan swasta (Petronas) sebanyak **RM10 juta** dan lain-lain pembiayaan (TP-1Malaysia, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan) sebanyak **RM12.6 juta**.
69. Di dalam usaha untuk menggalakkan pembayar cukai menjelaskan cukai taksiran, **satu program cabutan bertuah** akan di adakan. Ianya terbuka kepada pembayar cukai yang **menjelaskan semua cukai taksiran termasuk tunggakan sebelum 31 Disember 2014** di mana sebanyak lebih 200 hadiah disediakan termasuk hadiah utama dua buah kereta nasional. Program cabutan bertuah ini akan diadakan pada Februari 2015 sempena Hari Wilayah Persekutuan.

PENUTUP DAN RUMUSAN

- 
70. Secara keseluruhannya, Bajet 2015 adalah merupakan **belanjawan seimbang** di mana DBKL dianggarkan mempunyai lebihan sebanyak **RM447.64 juta** setelah mengambil kira perbelanjaan operasi (Anggaran Hasil - Anggaran Perbelanjaan Mengurus) untuk disalurkan ke perbelanjaan Pembangunan. Anggaran Hasil 2015 berjaya menyeimbangi peruntukan Mengurus dan peruntukan Pembangunan di bawah pembiayaan DBKL.
 71. Melalui program-program yang dilaksanakan, DBKL akan menumpukan segala usaha dan tenaga bagi merealisasikan pencapaiannya pada tahun hadapan dengan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada warga kota Kuala Lumpur dan pelanggannya
 72. Di samping itu, DBKL akan menyediakan kemudahan infrastruktur yang terbaik dan berkualiti pada tahun 2015 melalui program-program yang dirancang.

73. Budaya pengurusan kewangan yang teratur dan cekap akan sentiasa diutamakan dengan menerapkan amalan perbelanjaan berhemah dan “**value for money**” bagi mengelakkan pembaziran dan seterusnya meningkatkan akauntabiliti dan integriti di dalam pengurusan kewangan DBKL.
74. Berasaskan kepada agihan-agihan peruntukan di atas, besarlah harapan saya agar program-program yang bakal dilaksanakan pada tahun 2015 dapat memberi manfaat kepada warga kota dan impak yang baik terhadap pembangunan bandar raya Kuala Lumpur dari segi fizikal, ekonomi dan sosial selaras dengan objektif dan Visi DBKL menjadi '**Bandaraya Bertaraf Dunia**' serta Visi Wilayah Persekutuan '**Maju dan Sejahtera**'.

SEKIAN.

